

01 AUG 2002

Abdullah-Konvensyen

PM DIJADUAL RASMI KONVENSYEN BN TERENGGANU 16 OGOS INI

KUALA TERENGGANU, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melawat Terengganu pada 16 Ogos ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sempena lawatan sehari itu, Badan Perhubungan Umno Terengganu mengambil kesempatan untuk mengadakan beberapa program yang melibatkan Perdana Menteri.

Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata antara program yang dirancang ialah pertemuan dengan anggota Umno negeri, perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) Terengganu dan pelancaran beberapa projek pembangunan di negeri ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setelah mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, di sini, hari ini.

Dalam lawatan sehari ke Terengganu, Dr Mahathir dijadual merasmikan Konvensyen BN di Sekolah Menengah Tun Telanai di Marang pada sebelah pagi manakala pada sebelah petang pula merasmikan projek pembangunan rumah nelayan di Tok Jembal, di sini, dan pada sebelah malam menghadiri majlis makan malam dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan di sebuah hotel di sini.

Abdullah berkata perjumpaan hari ini turut membincangkan mesyuarat-mesyuarat Puteri Umno di negeri itu yang bertujuan memilih barisan kepimpinan Puteri pada peringkat cawangan dan bahagian.

"Kita telah tetapkan bahawa ketua-ketua bahagian atau anggota badan perhubungan Umno negeri diarah untuk membantu mesyuarat-mesyuarat Puteri yang diadakan pada peringkat bahagian itu," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa pengurusan Badan Perhubungan Umno negeri akan memantau semua mesyuarat Puteri Umno di negeri ini.

Abdullah berkata selain itu, mesyuarat hari ini turut membincangkan laporan-laporan yang disampaikan oleh ketua-ketua bahagian Umno negeri yang terlibat dalam dua pilihan raya kecil di Kedah baru-baru ini.

"Itu adalah sebagai satu usaha untuk mendapat input daripada mereka kerana pihak Majlis Pengurusan Umno pun sedang meneliti laporan-laporan yang telah dikemukakan," katanya.

Beliau kemudiannya mengadakan pertemuan tertutup kira-kira sejam dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri, para veteran Umno dan bekas kakitangan kerajaan.

-- BERNAMA

SN PR